

**TEKS KHUTBAH JUMAAT
KOMPLEKS ISLAM USIM**

Oleh: Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus

OKU: BARAKAH YANG TERHIJAB?

(9 Jun 2017M/14 Ramadhan 1438H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالْإِحْسَانِ، وَوَعَدَنَا عَلَيْهِ بِالْجَنَّةِ وَالرِّضْوَانِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْقَائِلُ: وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ... وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، الْقَائِلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ»

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا حَالُنَا لَا يَخْفَى عَلَيْكَ وَضَعْفُنَا ظَاهِرٌ بَيْنَ يَدَيْكَ فَعَامِلْنَا بِالْإِحْسَانِ إِذْ الْفَضْلُ مِنْكَ وَإِلَيْكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

أَمَّا بَعْدُ: فَإِنِّي أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، قَالَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى: وَقَدِّمُوا لَأَنْفُسِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ...

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bersama tingkatkan nilai taqwa kepada Allah SWT, lebih-lebih lagi keberadaan kita di bulan Ramadhan al-Mubarak ini. Ketahuilah! kita semua akan dihimpun di hadapan Allah Jalla wa Ala', pada hari yang tiada manfaat harta dan anak pinak melainkan amalan kebaikan kita di dunia. Maka jadikanlah dunia ini urusan agama Allah, kerana setiap gerak nadi dan helaan nafas kita akan ditanya di hadapan-Nya.

Kesempatan kita dalam meraih barakah Ramadhan, barakah yang terbentang luas meliputi rahmat, keampunan dan pembebasan daripada azab neraka Allah. Mudah-mudahan bulan Ramadhan kali ini lebih baik daripada sebelumnya. Bagi meningkatkan kefahaman kita khususnya dalam bulan mulia ini, mimbar akan membawa sidang jemaah sekalian, merenung kembali konsep indahny hidup beragama yang sewajarnya dikongsi bersama, tanpa mengira warna kulit dan darjat melalui tajuk **OKU: Barakah yang Terhijab?**

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Persepsi masyarakat yang selesa melabel **OKU dengan 'anak syurga'** secara tidak langsung mendorong pelbagai pihak khususnya ibu bapa, seakan terlepas pandang terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dalam **mendidik OKU menerima agama**. Adakah isu mereka ini digelar sebagai **kurang upaya** menyebabkan kita merasa kasihan sehingga mengasing atau mengecualikan penyertaan mereka dalam sosial? Adakah **isu taklif** iaitu tuntutan setiap individu menerima hak dan menanggung kewajiban Syarak menyebabkan kita mengandaikan OKU dikecualikan secara total? Adakah isu **OKU kumpulan minoriti** menyebabkan kita lebih melihat isu dan permasalahan kumpulan majoriti lebih awal dan afdal?

Tiga persoalan ini perlu kita perhalusi agar indahnya syariat Islam itu bukan hanya dilihat cantik dikulit, tapi buruk diisi, dan dalam masa yang sama kita beriman dengan pengiktirafan Allah bahawa agama yang benar di sisi-Nya adalah Islam. Ya, benar. Menurut Akta OKU 2008, **Orang Kurang Upaya** dirujuk sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang mana terdapat halangan apabila berinteraksi dengan mereka atau boleh **menyekat penyertaan penuh mereka secara normal dalam**. Kumpulan ini terdiri daripada mereka yang mengalami cacat penglihatan, pendengaran, fizikal, ketidakupayaan pelbagai, gangguan mental, masalah pertuturan dan pembelajaran seperti autisme, sindrom down, lembam, celebral palsy dan epilapsi.

Namun, dalam Akta yang sama (685) ada menyebut bahawa ketidakupayaan dan kekangan OKU dalam menyertai masyarakat sebenarnya terhasil daripada dua aspek iaitu **halangan sikap dan persekitaran**. Ia merujuk kepada persepsi dan khidmat fasiliti yang ditawarkan terhadap mereka, adakah kecacatan mereka yang menjadikan mereka kurang upaya atau sikap kita yang seolah-olah menafikan hak mereka? Bukankah Rasulullah SAW pernah ditegur kerana tindakan Baginda memalingkan muka daripada Abdullah ibnu Ummi Maktum radhiallahu 'anhu? Firman Allah Azza wa Jalla dalam Surah 'Abasa;

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۝ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۝ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّى ۝ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۝

Maksudnya: Dia (Muhammad) memasak muka dan berpaling, kerana didatangi orang buta. Adakah engkau tahu tujuan kedatangannya wahai Muhammad? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya. Ataupun dia mahu mendapat peringatan darimu, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya.

Ya. Allah menegur kekasih-Nya SAW untuk kita. Untuk kita mengambil iktibar sejauh mana kita peduli dengan golongan istimewa ini. Mimbar berpendapat pemahaman kita terhadap istilah OKU (Orang Kurang Upaya) perlu dilihat dari persepsi yang positif dan lebih efektif. Justeru, **OKU lebih baik dirujuk sebagai Orang Kelainan Upaya** khususnya dalam konteks hak mendapat akses pendidikan. Mereka ini mungkin kurang dan cacat pada pandangan mata kasar kita, tetapi mereka **bukanlah produk rosak ciptaan Allah** SWT. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Tin:95:4;

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baik kejadian (lengkap sesuai dengan keadaannya).

Allah tarik nikmat mendengar contohnya, tapi Allah kurniakan daya visual yang luar biasa. Ada di antara mereka mampu menghafaz surah al-Fatihah secara *imla'ie* iaitu menulis semula secara berulang-ulang dengan tulisan yang cantik tanpa ada pendedahan awal pembelajaran Tulisan Jawi.

Jika kekuatan ini kita fokuskan, mana tahu suatu hari nanti, Mushaf al-Quran yang kita baca ini, ditulis oleh golongan ini iaitu OKU Pekak. **They are not learning disabilities BUT learning differences.** Justeru, proses pengajian yang berkonsepkan usaha (*effort oriented*) dengan menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang berasaskan kekuatan dan kelainan upaya belajar mampu meningkatkan penguasaan OKU terhadap pelajaran. **Mungkin sebahagian mereka tidak mampu berfikir seperti kita, tapi apa yang pasti Allah sekali-kali tidak mengekang keupayaan mereka untuk berzikir.**

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Kita seolah-olah terlepas pandang bila membicarakan isu OKU dan tuntutan beragama. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Bagi ibu bapa yang dianugerahkan anak istimewa, mereka seakan hilang arah apabila pemulihan dan pendidikan yang dijalankan terpisah dengan pendekatan agama khususnya pengajian al-Quran, **rahmat teragung dan sebaik-baik penawar.** Persoalannya di sini bukan sekadar isu taklif, tetapi ia lebih kepada **isu takrim** iaitu pengiktirafan Allah terhadap manusia sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Isra':17:70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ

كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ۝

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak Adam; dan Kami kurniakan pelbagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami

*limpahkan **rezeki** yang baik serta Kami telah **lebihkan** mereka daripada banyak makhluk yang Kami ciptakan.*

Justeru, mimbar melihat OKU **bukanlah** suatu **perjuang** **menegakkan hak asasi manusia (Human Right)** kerana ia **berpaksikan manusiawi bukan Ilahi**. Ini kerana Allah SWT terlebih dulu mengiktiraf kemuliaan kedudukan manusia berasaskan konsep *Karamah Insaniyyah* (kemuliaan kedudukan sesama insan). Perkara ini dapat dilihat daripada episod interaksi Rasulullah SAW yang menuntut kita **menawarkan perkhidmatan dan bukan hanya sekadar menyediakannya**. Sufyan al-Thawri meriwayatkan, selepas turunnya surah `Abasa, setiap kali Rasulullah SAW melihat Abdullah ibnu Ummi Maktum datang ke majlisnya, Baginda akan menghamparkan selendangnya sebagai alas tempat duduk buatnya, lalu Baginda berkata: “*Silakan wahai orang yang menjadi sebab aku ditegur oleh Tuhanku*”. Dan kemudiannya Baginda akan bertanya: “***Adakah tuan mempunyai sebarang hajat?***”

MUSLIMIN YANG SAYA KASIHI,

Benar OKU adalah kumpulan minoriti. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 15% daripada populasi sesebuah Negara itu adalah terdiri daripada komuniti OKU. Ini bermakna terdapat lebih **4.4 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan OKU**. Namun, terdapat kelompangan

yang begitu ketara di mana rekod OKU berdaftar sehingga tahun 2015 dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (jkm) hanyalah hampir 400,000 orang sahaja.

Dalam konteks ini, Islam merumuskan kedudukan insan dan hak beragama 'tanpa syarat' sebagai suatu pengisytiharan deklarasi kemanusiaan dalam Khutbah al-Wada'. Isu ini turut menjadi agenda utama Saidina Abu Bakar radhiallah 'anhu dalam khutbah pertamanya setelah dilantik menjadi Khalifah, katanya; *Orang yang lemah dalam kalangan kamu adalah kuat disisiku, kerana kewujudan mereka mengingatkanku agar menuntut dan memberikan haknya semula. Manakala orang yang kuat dalam kalangan kamu adalah lemah disisiku, kerana aku akan mengambil darinya hak orang lain.*

Mengakhiri khutbah, mimbar ingin berpesan kepada sidang Jumaat sekalian:

Pertama: Merealisasikan 'konsep adil dalam Islam' iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Dalam konteks ini, usahakanlah pelbagai terapi yang ada, Program Intevensi Awal (EIP), Terapi

Pertuturan (ST), Terapi Carakerja (OT), **tapi jangan tinggalkan al-Quran**. Eksplorasilah kekuatan dan kelainan pembelajaran OKU itu berdasarkan deria atau anggota yang masih berfungsi berbanding fokus terhadap kecacatan dan kekurangan mereka;

Kedua: Isu OKU dan Agama adalah merupakan isu ummah. Isu yang menuntut kita **memberikan ruang dan peluang OKU dididik menerima agama** khususnya pengajian al-Quran dan Ibadah. Tidakkah kita sedar bahawa Allah SWT telah dulu meletakkan ‘tanda aras tanpa bebanan’ kepada hamba-Nya. Firman-Nya dalam penutup Surah al-Baqarah:2:286;

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Akhirnya: Kita tidak dapat menafikan bahawa kewujudan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat. Perkara ini dapat dilihat melalui tindakan Nabi SAW tatkala memangku jenazah Julaybib radhiallahu `anhu, seorang OKU yang kecil saiz tubuhnya, Baginda menyebut; *Sesungguhnya aku sebahagian darinya dan dia sebahagian dariku...*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

